



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN AMALAN PENTAKSIRAN KREATIF DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALZURIAWANI BINTI RIDZWAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN AMALAN PENTAKSIRAN KREATIF
DALAM PENDIDIKAN
PRASEKOLAH**

SALZURIAWANI BINTI RIDZWAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENILAIAN PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **18 FEBRUARI 2021.**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **SALZURIAWANI BINTI RIDZWAN, M20151000853, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENILAIAN AMALAN PENTAKSIRAN KREATIF DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESSOR DR.SITI ESHAH MOKSHEIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENILAIAN AMALAN PENTAKSIRAN KREATIF DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENILAIAN PENDIDIKAN.**

18.02.2021

Tarikh





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah syukur kehadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Jutaan terima kasih diberikan kepada penyelia saya Professor Dr. Siti Eshah Mokshein yang sangat berdedikasi dan komited membimbang saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau bukan sahaja penyelia namun sudah saya anggap sebagai ibu kerana tanpa jemu memberikan perhatian dan dorongan untuk saya menyiapkan tesis ini. Semoga keikhlasan beliau di balas oleh Nya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada bapa, Allahuhyarham Ridzwan Bin Othman dan ibu Meryam binti Mahamad kerana tidak pernah jemu menitipkan doa sepanjang saya menuntut ilmu. Tidak lupa juga kepada suami tercinta Firdaus Erwan Bin Hazary yang menjadi tulang belakang, penguat semangat saya sepanjang menyelesaikan kajian ini. Buat anakanda yang dikasih, Syazrin Balqis Binti Firdaus Erwan, Muhammad Hasif Bin Firdaus Erwan dan Muhammad Hadif Bin Firdaus Erwan, terima kasih yang tidak terhingga kepada kalian kerana dengan sabar mengharungi bersama cabaran dalam menyiapkan tesis ini bersama-sama. Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat buat kalian untuk terus berjaya kelak. Tidak dilupakan kepada ahli keluarga dan adik-beradik di atas semangat dan galakkan yang diberikan.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama memberikan semangat dan sokongan sepanjang pengajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada pihak Prasekolah Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim, Prasekolah Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki, Tabika Kemas Proton City, Tadika Anakku Adiwarna dan Tadika NCDRC, UPSI kerana terlibat dalam kajian ini. Tanpa kerjasama kalian, impian ini sukar menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Program Niche Research Grant Scheme (NRGS-UPSI) yang telah membiayai pengajian saya. Tidak lupa juga terima kasih kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Institut Pengajian Siswazah serta Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas segala kemudahan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian ini. Akhir kata, sekali lagi terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada kita semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti maksud pentaksiran kreatif mengikut pandangan guru prasekolah. Selain itu kajian ini adalah untuk menilai amalan pentaksiran kreatif di kalangan guru dalam pendidikan prasekolah berdasarkan temubual, pemerhatian dan cara guru menilai hasil kerja murid serta membina contoh rubrik penilaian hasil kerja murid berdasarkan elemen kreativiti (kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian) selari dengan prinsip pentaksiran kreatif. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan kaedah triangulasi data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Subjek kajian melibatkan empat orang guru prasekolah dari empat jenis prasekolah yang berbeza di Daerah Tanjung Malim, Perak. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temubual dan nota catatan lapangan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis transkip temubual dan pemerhatian serta analisis dokumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat subjek kajian memberikan maksud pentaksiran kreatif adalah hasil kerja yang lain dari yang lain. Dapatan kajian juga menunjukkan guru telah melaksanakan amalan pentaksiran kreatif berlandaskan kaedah pentaksiran yang digunakan, instrumen pentaksiran, kriteria penilaian hasil kerja serta penskoran dan penggredan. Analisis dari temubual dan pemerhatian pula menunjukkan beberapa kelemahan dalam amalan pentaksiran kreatif kerana terdapat guru yang masih mengamalkan pentaksiran berbentuk ujian bertulis. Hasil dapatan dari analisis elemen-elemen kreativiti (kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian) berdasarkan hasil kerja murid prasekolah juga menunjukkan elemen-elemen ini kurang dipraktikkan dan digunakan oleh guru-guru prasekolah. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan amalan pentaksiran kreatif ini kurang diamalkan dan masih terdapat guru-guru yang tidak memahami pentaksiran kreatif serta masih mengamalkan pentaksiran yang sama. Implikasi kajian menunjukkan amalan pentaksiran kreatif yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran dalam pendidikan prasekolah. Selain itu analisis dari hasil kerja murid yang telah disusun mengikut elemen-elemen kreativiti sehingga terhasilnya rubrik pentaksiran yang boleh digunakan. Rubrik yang berjaya dihasilkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam pentaksiran dan boleh digunakan untuk kajian-kajian di masa depan.





EVALUATION OF CREATIVE ASSESSMENT PRACTICES IN PRESCHOOL EDUCATION

ABSTRACT

This study aims to identify the meaning of creative assessment according to the views of preschool teachers. In addition, this study is to evaluate the practice of creative assessment among teachers in preschool education based on interviews, observations and ways teachers evaluate student work and build examples of student work evaluation rubric based on elements creativity (fluency, flexibility, clarity and originality) in line with the principles of creative assessment. A qualitative approach to case study design has been used in this study by involving data triangulation methods namely observation, interviews and document analysis. Four different types of preschools in Tanjung Malim District, Perak. The research instruments used in this study were interview protocols and field note notes. Data were analyzed using transcript analysis of interviews and observations as well as document analysis. The results of the study show that all four study subjects give the meaning of creative assessment is a different work from the others. Analysis from interviews and observations shows some weaknesses in the practice of creative assessment because there are teachers who still practice assessment in the form of written tests. The results of the analysis of the elements of creativity (fluency, flexibility, clarity and originality) based on the work of preschool students also show elements. This element is less practiced and used by preschool teachers. Conclusions from the study show that the practice of creative assessment is less practiced and there are still teachers who do not understand creative assessment and still practice the same. The implications of the study show that the creative assessment practices implemented can help improve the effectiveness of teaching and learning as well as assessment in preschool education. In addition, the analysis of student work that has been compiled according to the elements of creativity until the result of assessment rubrics that can be used. Successfully produced rubrics can contribute to improvements in assessment and can be used for future studies.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------------|------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xvi |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |



BAB 1 PENGENALAN

| | |
|---------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan | 01 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 02 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 06 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 08 |
| 1.5 Objektif Kajian | 09 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 09 |
| 1.7 Definisi Operasi | 10 |
| 1.7.1 Amalan Pentaksiran | 10 |
| 1.7.2 Kreativiti | 10 |





| | |
|---|----|
| 1.7.3 Pendidikan Prasekolah | 11 |
| 1.7.3.1 Prasekolah Kerajaan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. | 12 |
| 1.7.3.2 Prasekolah Swasta | 12 |
| 1.7.3.3 Tadika KEMAS | 12 |
| 1.7.3.4 Prasekolah Tempat Kerja | 13 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.9 Batasan Kajian | 14 |
| 1.10 Kerangka Konsep Kajian | 15 |
| 1.11 Rumusan | 17 |



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|--|----|
| 2.1 Pengenalan | 18 |
| 2.2 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan | 18 |
| 2.3 Teori-teori dan Model Berkaitan | 21 |
| 2.4 Pendidikan Prasekolah | 24 |
| 2.5 Pentaksiran Prasekolah | 25 |
| 2.6 Tingkah laku Guru Serta Pengajaran dan Pentaksiran Kreatif | 28 |
| 2.7 Isu dan Cabaran Dalam Pentaksiran Prasekolah | 29 |





| | |
|--------------------------------|----|
| 2.8 Kreativiti | 29 |
| 2.8.1 Definisi Kreativiti | 30 |
| 2.8.2 Elemen Kreativiti | 32 |
| 2.8.3 Menilai Kreativiti | 33 |
| 2.9 Isu dan Cabaran Kreativiti | 34 |
| 2.10 Rubrik | 38 |
| 2.11 Rumusan | 41 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | |
|------------------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan | 42 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 42 |
| 3.2.1 Populasi dan Subjek Kajian | 44 |
| 3.3.1 Prosedur Pemilihan Sampel | 47 |
| 3.2.2 Kaedah Pengumpulan Data | 48 |
| 3.4.1 Pemerhatian | 49 |
| 3.4.2 Temu Bual | 51 |
| 3.4.3 Analisis Dokumen | 53 |
| 3.2.3 Instrumen | 54 |
| 3.2.4 Prosedur Pengumpulan Data | 56 |
| 3.2.5 Analisis Data | 58 |
| 3.2.6 Kajian Rintis | 61 |
| 3.2.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 63 |
| 3.2.8 Etika Penyelidikan | 66 |



**BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

| | | |
|-----|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 70 |
| 4.2 | Hasil Dapatan Kajian- Profil Empat Orang Guru Prasekolah | 71 |
| 4.3 | Soalan kajian 1 : Apakah yang dimaksudkan dengan pentaksiran kreatif mengikut pandangan guru? | 77 |
| a) | Murid Menggunakan Idea Sendiri | 81 |
| b) | Hasil Kerja Lain Dari Yang Lain | 82 |
| c) | Kemahiran Semulajadi | 83 |
| d) | Membina Benda Baru Daripada Bahan-Bahan Lama | 83 |
| e) | Guru Beri Kebebasan Kepada Murid Membuat Ciptaan/Melaksanakan Tugasan | 84 |
| f) | Hasil Kerja/Produk Menarik | 85 |
| g) | Hasil/Produk Yang Boleh Diguna Pakai | 85 |
| h) | Hasil Kerja/Produk Yang Asli | 85 |
| i) | Mengubah Suai Bahan Sedia Ada Menjadi Baru | 86 |
| j) | Bakat Semula Jadi,Kreatif Dan Berdikari | 86 |





x

4.4 Soalan kajian 2: Sejauhmanakah guru melaksanakan amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah berdasarkan temubual, pemerhatian dan cara guru menilai hasil kerja murid? 89

4.4.1 Kaedah Pentaksiran Yang Dilaksanakan Oleh Guru 91

a) Kerja Projek/Project Approach 92

b) Peperiksaan/Ujian 94

c) Pemerhatian 95

d) Pembentangan 96

e) Berpusat 97

f) Soal-Jawab 98



4.4.2 Instrumen Pentaksiran 98

a) Senarai Semak dan Rekod anekdot 99

b) Kad Laporan 100

4.4.3 Kriteria Penilaian Hasil Kerja 101

a) Memenuhi Kehendak Tugasan 101

b) Kekemasan 102

4.4.4 Kaedah Penskoran/Penggredan 102

a) Pemberian Bintang 102





b) Penentuan Tahap Pencapaian Berdasarkan

| | |
|-------------|-----|
| Skala Kadar | 103 |
|-------------|-----|

| | |
|--|-----|
| 4.4.5 Amalan Pentaksiran Kreatif Guru Prasekolah | 106 |
|--|-----|

| | |
|-------------|-----|
| a) Aktiviti | 107 |
|-------------|-----|

| | |
|------------|-----|
| b) Tunjang | 113 |
|------------|-----|

| | |
|----------------------|-----|
| c) Elemen Kreativiti | 122 |
|----------------------|-----|

| | |
|---------|-----|
| d) Tema | 124 |
|---------|-----|

| | |
|----------------------|-----|
| e) Penglibatan Murid | 124 |
|----------------------|-----|

| | |
|---------------|-----|
| f) Pendekatan | 131 |
|---------------|-----|



| | |
|---|-----|
| 4.5 Soalan kajian 2 : Sejauhmanakah elemen-elemen kreativiti (Kelancaran,keluwesan,kejelasan dan keaslian) terlibat dilaksanakan dalam amalan pentaksiran kreatif dalam kalangan guru prasekolah. | 138 |
|---|-----|

| | |
|--|-----|
| 4.6 Soalan kajian 3 : Apakah contoh rubrik untuk penilaian hasil kerja murid berdasarkan elemen kreativiti (kelancaran,keluwesan, kejelasan dan keaslian) selari dengan prinsip pentaksiran kreatif? | 154 |
|--|-----|

| | |
|----------------------------|-----|
| 4.6.1 Elemen-Elemen Rubrik | 155 |
|----------------------------|-----|



**BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

| | |
|----------------------------|-----|
| 5.1 Pengenalan | 159 |
| 5.2 Rumusan Dapatan Kajian | 159 |
| 5.2.1 Soalan kajian 1 | 160 |
| 5.2.2 Soalan kajian 2 | 163 |
| 5.2.3 Soalan kajian 3 | 178 |
| 5.3 Implikasi Kajian | 170 |
| 5.4 Cadangan | 170 |
| 5.5 Kesimpulan | 173 |





SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|---|-------------------|
| 2.1 Jenis-Jenis Indikator Dalam Menilai Kreativiti | 34 |
| 3.1 Persampelan Kajian | 46 |
| 3.2 Matrik Persoalan Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data | 60 |
| 4.1 Rumusan Dapatan Guru Prasekolah | 75 |
| 4.2 Maksud Pentaksiran Kreatif mengikut pandangan Guru Prasekolah | 78 |
| 4.3 Maksud Pentaksiran Kreatif mengikut pandangan Guru Prasekolah Mengikut kategori Sekolah | 78 |
| 4.4 Rumusan Dapatan Temubual Sejauhmana Guru Melaksanakan Amalan Pentaksiran Kreatif Dalam Pendidikan Prasekolah. | 90 |
| 4.5 Kaedah Pentaksiran yang Dilaksanakan oleh Guru Prasekolah | 91 |
| 4.6 Tunjang/Bidang Pembelajaran Mengikut Jenis Prasekolah | 114 |
| 4.7 Penglibatan Murid Mengikut Prasekolah | 125 |
| 4.8 Pendekatan Yang Di Gunakan Oleh Guru Prasekolah | 132 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| | |
|--|-----|
| 4.9 Rumusan Analisis Berdasarkan Pemberian Bintang Bagi Elemen-Elemen Kreativiti (Kelancaran,Keluwesan,Kejelasan Dan Keaslian) Yang Terlibat Dalam Amalan Pentaksiran Kreatif Di Kalangan Guru Prasekolah Berdasarkan Hasil Kerja Murid. | 140 |
| 4.10 Rumusan Bagi Jumlah Bintang Bagi Elemen Kreativiti | 151 |
| 4.11 Rubrik penilaian hasil kerja murid berdasarkan elemen kreativiti dalam prinsip pentaksiran kreatif | 155 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI RAJAH**

| No. Rajah | Muka Surat |
|------------------|---|
| 1.1 | Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 05 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian 16 |
| 2.1 | Langkah- langkah Model Sinektik 23 |
| 4.1 | Rumusan Dapatan Maksud Pentaksiran Kreatif Mengikut Pandangan Guru 88 |
| 4.2 | Rumusan Dapatan Temubual Sejauhmana Guru Melaksanakan Amalan Pentaksiran Kreatif Dalam Pendidikan Prasekolah. 105 |



**SENARAI SINGKATAN**

| | |
|--------|--|
| DSKP | Dokumen Standard Kurikulum |
| EPRD | Educational Planning and Research Division |
| GP1 | Guru Prasekolah 1 |
| GP2 | Guru Prasekolah 2 |
| GP3 | Guru Prasekolah 3 |
| GP4 | Guru Prasekolah 4 |
| JPN | Jabatan Pelajaran Negeri |
| KBAT | Kemahiran Berfikir aras Tinggi |
| KEMAS | Kemajuan masyarakat |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSPK | Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan |
| NCDRC | National Child Development Research Centre |
| NEAYC | The National Association for the Education of Young Children |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPK | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| SK | Standard Kandungan |
| SP | Standard Pembelajaran |
| SPi | Standard Prestasi |
| TABIKA | Taman Bimbingan Kanak-Kanak |





SENARAI LAMPIRAN

| | |
|------------|--|
| LAMPIRAN A | Pengesahan Status Pelajar |
| LAMPIRAN B | Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian |
| LAMPIRAN C | Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian |
| LAMPIRAN D | Surat Permohonan Pelanjutan Tempoh Untuk Menjalankan Kajian |
| LAMPIRAN E | Surat Perlantikan Sebagai Pakar Rujuk |
| LAMPIRAN F | Borang Persetujuan Responden |
| LAMPIRAN G | Protokol Temubual |
| LAMPIRAN H | Contoh Transkrip Pemerhatian |
| LAMPIRAN I | Fizikal Kelas Prasekolah |
| LAMPIRAN J | Aktiviti Kelas Prasekolah |





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Sistem pendidikan di Malaysia sehingga hari ini, telah mengalami pelbagai evolusi dari segi perancangan, tindakan dan pelaksanaan bagi mendepani cabaran digital masa depan. Sejajar dengan itu, proses pengurusan pengajaran dan pembelajaran perlu di dititikberatkan oleh semua pihak dalam memastikan matlamat pendidikan dapat direalisasikan. Rohani, Hazri dan Mohammad Zohir (2017) menjelaskan pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam abad ke-21 perlu merangkumi beberapa aspek seperti persediaan rancangan kerja, penetapan objektif atau hasil pembelajaran, sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran, rancangan dan perlaksanaan pelajaran dan kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran yang digarapkan dengan kemahiran pembelajaran abad ke-21. Keseluruhan aspek ini perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.





Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian serta persoalan kajian. Disamping itu definisi operasi turut diperjelaskan disamping kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep kajian serta rumusan diuraikan dengan lebih lanjut dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam membentuk hasil pengajaran dan pembelajaran yang optimum, proses pendidikan terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu pengajaran, pentaksiran dan

pembelajaran yang bertindak saling membantu. (Popham, 2007) dalam kajiannya menyatakan bahawa istilah pengukuran, pengujian dan pentaksiran digunakan dan dianggap sinonim antara satu sama lain. Justeru, pentaksiran boleh dilihat sebagai penghubung di antara kurikulum, pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Semua negara di dunia berada dalam keadaan mempertimbang atau menilai semula sistem pendidikan masing-masing. Hal ini memberi kesan yang hebat kepada persekitaran pendidikan. Salah satu aspek yang ditekankan dalam perubahan global terutama dalam bidang pendidikan ialah kreativiti (Abu Bakar, 2013).

Untuk memastikan perubahan dalam masyarakat dan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah banyak membuat inovasi serta menerapkan elemen





inovasi dan kreativiti dalam kurikulum sejak tahun 1980an. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 tidak terkecuali menekankan elemen Kreativiti dan Inovasi supaya diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi pengetahuan dan kemahiran (Mohd Hanafi, 2016).

Penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010) merupakan satu strategi peningkatan kualiti pendidikan prasekolah dengan menekankan unsur kreativiti dan inovasi. Untuk mendorong pelajar menjadi kreatif dan inovatif secara terancang (Ali & Madon, 2014) menyatakan bahawa satu garis panduan iaitu Buku panduan Kreativiti pada tahun 2011 telah disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum sebagai garis panduan kepada guru. Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang kreatif bermula dari pendidikan prasekolah lagi.



Sesebuah negara memerlukan sumber manusia yang berkualiti demi menuju ke arah negara membangun dari pelbagai aspek tidak kira dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Pendidikan awal kanak-kanak adalah tunjang kepada usaha untuk membentuk modal insan berkualiti dan tumpuan kepada pendidikan awal mereka merupakan strategi yang boleh memberi impak besar kepada jangka masa panjang. Untuk itu, setiap kanak-kanak perlu diberi peluang untuk pendidikan di peringkat prasekolah (Marziation, 2012).

Pendidikan awal kanak-kanak adalah satu peringkat yang penting dalam menyediakan kanak-kanak untuk sekolah rendah (Mundia & Mundia, 2016).





Prasekolah adalah sebuah institusi di mana kanak-kanak bersedia untuk memasuki persekitaran sosial. Pra sekolah boleh dianggap sebagai kelas persediaan bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun untuk memasuki tahun satu sekolah rendah. Prasekolah di Malaysia biasanya melibatkan kanak-kanak berumur seawal empat hingga enam tahun (Mustafa, Yunus, & Azman, 2014).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dipastikan penggunaannya berkesan. Disamping itu latihan dalam bidang pendidikan prasekolah perlu untuk guru-guru prasekolah. Kemudahan fizikal dan peralatan bersesuaian dan berkualiti juga dibekalkan. Semua institusi pendidikan prasekolah mestilah mematuhi Peraturan-Peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996.



Salah satu objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ialah mengaplikasikan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan kehidupan seharian. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dibina berdasarkan enam tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis



dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 1.1 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).



Rajah 1.1 Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Jelaslah disini menunjukkan kreativiti merupakan aspek yang sangat dititik beratkan dalam pembelajaran prasekolah. Kreativiti ini juga perlu ada dalam pentaksiran pendidikan pra sekolah.

Pentaksiran seharusnya berperanan meningkatkan kualiti pembelajaran. Walau apa pun sistem yang dijadikan sebagai dasar, kepentingan pelajar seharusnya berada ditengah-tengah proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek pedagogi tidak boleh dipinggirkan atau diketepikan. Pedagogi yang kreatif juga merupakan aspek yang penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (Halim, 2014). Kualiti pengajaran dan keberkesanannya pembelajaran harus diangkat sebagai perantara amalan pentaksiran formatif dan sumatif di bilik darjah (Rohaya, 2014).



1.3 Pernyataan Masalah

Surayah & Haslinda (2009) dalam bukunya bertajuk Penilaian dalam Pendidikan Prasekolah telah mengenalpasti beberapa isu dan cabaran dalam pentaksiran pra sekolah. Kekeliruan tentang konsep pembelajaran di prasekolah menyumbang kepada dilemma yang dihadapi oleh guru dalam menjalankan pentaksiran pra sekolah.

Di peringkat pendidikan prasekolah, pentaksiran seringkali dijalankan secara formal (Kitano, 2011). Sepatutnya dalam institusi prasekolah, kanak-kanak tidak diberi ujian atau gred. Mereka hanya diuji selepas mereka memasuki gred pertama sekolah rendah. Cara guru melihat pencapaian dan pengalaman direkodkan juga berbeza. Bahkan beberapa istilah yang digunakan dalam rekod juga adalah berbeza (Kitano, 2011).

Kebanyakan tadika seolah-olah menilai kanak-kanak berdasarkan orientasi akademik. Kanak-kanak prasekolah perlu menduduki ujian dan kemudian akan diberikan gred dan kedudukan selepas dinilai (Rohaty, 2003). Menurut Balkish, Ali, & Jamaluddin (2010) menyatakan bahawa sesetengah kanak-kanak sudah didedahkan dengan peperiksaan seawal usia empat tahun. Ketaksuban terhadap sistem peperiksaan adalah faktor penghalang bagi Malaysia mencapai tahap kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam kalangan rakyatnya. Peperiksaan bersifat *highstakes* telah mencuri banyak masa pelajar dan kesan keciciran dirasai dalam membangunkan





bakat, kebolehan dan kecenderungan dalam bidang-bidang berimpak tinggi (Dan & Kongruen, 2015).

Apabila melaksanakan penilaian, para guru perlulah mempunyai kemahiran yang cekap di dalam pemerhatian terhadap murid. Pemerhatian direkodkan menggunakan alat-alat pentaksiran seperti rekod anekdot, senarai semak, dan rekod berterusan. Namun didapati, cara pentaksiran yang popular digunakan di kebanyakan pra sekolah adalah ujian yang dijalankan secara berkala bagi mengukur kepandaian kanak-kanak dan hanya menekankan kebolehan 3M, membaca, menulis dan mengira (Surayah & Haslinda, 2009).



Tujuan utama pentaksiran murid pasekolah adalah untuk meningkatkan pembelajaran murid berkenaan bukannya bertujuan melabel dan membandingkan murid dengan murid yang lain. Pentaksiran seperti ini sering dikaitkan dengan pentaksiran autentik atau pentaksiran formatif dan pentaksiran rujukan kriteria. Pentaksiran murid di peringkat prasekolah lebih menekankan kepada usaha ke arah penambahbaikan serta perkembangan dan bukan pencapaian semata-mata (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Guru berperanan dalam melaksanakan pentaksiran. Walau bagaimanapun pada kebiasaannya guru beranggapan peranan mereka hanya mengajar dan melaksanakan pentaksiran berdasarkan Sukatan Pelajaran (SP) yang disediakan dan perlu dihabiskan mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Teori kecerdasan pelbagai Gardner menjelaskan bahawa jika kanak-kanak mempunyai pelbagai pengalaman, pengetahuan dan kefahaman, maka cara mereka





belajar dan menggunakan imaginasi mereka juga akan berbeza. (Mindham, 2005) menyatakan bahawa guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti, teknik, kaedah dan bahan-bahan yang sesuai jika kita ingin menggalakkan kreativiti.

Tugasan kreatif sering dilihat sebagai kurang penting berbanding daripada membaca, menulis dan mengira. Prentice (2000) menyatakan terlalu banyak penekanan kepada 3M berbanding penilaian yang berkaitan dengan kreativiti.

Justeru kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pentaksiran kreatif disamping mengenalpasti elemen kreativiti serta halangan dan cabaran pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah supaya kualiti dan kecemerlangan pendidikan prasekolah terjamin.



1.4 Tujuan kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah dan mengenalpasti maksud pentaksiran kreatif mengikut pandangan guru.

Selain itu, menilai amalan pentaksiran kreatif di kalangan guru dalam pendidikan prasekolah serta menganalisis elemen-elemen kreativiti (kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian) dapat dilihat dalam hasil kerja murid prasekolah antara tujuan dalam kajian ini juga.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti maksud pentaksiran kreatif mengikut pandangan guru berdasarkan temu bual dan pemerhatian.
2. Menilai amalan pentaksiran kreatif di kalangan guru dalam pendidikan prasekolah berdasarkan temubual, pemerhatian dan cara guru menilai hasil kerja murid.
3. Membina contoh rubrik penilaian hasil kerja murid berdasarkan elemen kreativiti (kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian) selari dengan prinsip pentaksiran kreatif.



1.6 Soalan Kajian

Antara persoalan kajian dalam kajian ini adalah:

1. Apakah maksud pentaksiran kreatif mengikut pandangan guru?
2. Sejauhmanakah guru melaksanakan amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah berdasarkan temubual, pemerhatian dan cara guru menilai hasil kerja murid?
3. Bagaimanakah contoh rubrik untuk penilaian hasil kerja murid berdasarkan elemen kreativiti (kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian) selari dengan prinsip pentaksiran kreatif?





1.7 Definisi Operasi

Beberapa definisi operasi telah diberikan dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1.7.1 Amalan Pentaksiran

Sesuatu yang dijadikan kebiasaan oleh seseorang individu merupakan definisi bagi amalan (Faizal et al. 2014). Amalan pentaksiran dalam kajian ini ialah amalan pentaksiran kreatif yang dijalankan di prasekolah yang dilaksanakan oleh guru-guru prasekolah. Pentaksiran dalam kajian ini juga merujuk kepada pentaksiran untuk mengesan pertumbuhan dan perkembangan pembelajaran murid secara menyeluruh seperti yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

1.7.2 Kreativiti

Kreativiti dalam kajian ini seperti di dalam teori Paul Torrance (1979) dalam buku panduan Kreativiti, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) iaitu kelancaran, keluwesan, keaslian dan kejelasan Selain itu kreativiti membawa maksud kebolehan atau kemampuan guru prasekolah untuk menggunakan daya imaginasi, idea kreatif dan pemikiran kreatif bagi menghasilkan sesuatu yang tulen, asli atau bahan yang mempunyai nilai, kegunaan serta memenuhi sesuatu keperluan.





1.7.3 Pendidikan Prasekolah

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) mendefinisikan “pendidikan prasekolah” sebagai satu program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun. Pendidikan prasekolah didefinisikan sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persekolahan di peringkat sekolah rendah (Suppiah, 2015). Menurut Swiniarski, Breitborde dan Murphy (1999), definisi pendidikan awal kanak-kanak berbeza bagi setiap Negara. Di Amerika Syarikat, tabika dikhususkan kepada kanak-kanak yang berumur empat tahun kebawah. Manakala, prasekolah diberikan kepada empat dan lima tahun bagi persediaan ke tadika. Seterusnya, kanak-kanak berumur enam tahun diletakkan di tadika sebelum ke sekolah rendah formal. Pendidikan awal kanak-kanak Di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori, iaitu taska bagi kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah dan tadika bagi kanak-kanak yang berumur empat tahun dan atas (Bustam Kamri, 2010).

Definisi pendidikan pra sekolah dalam kajian ini merujuk kepada pendidikan untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Dalam kajian ini prasekolah yang terlibat dikategorikan kepada empat jenis prasekolah iaitu, prasekolah kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia , prasekolah swasta, tadika KEMAS dan prasekolah tempat kerja. Jenis-jenis prasekolah ini dijelaskan seperti di bawah.





1.7.3.1 Prasekolah Kerajaan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pendidikan Prasekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu. Pra sekolah kerajaan dalam kajian ini ialah prasekolah kerajaan yang menggunakan sepenuhnya Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan.

1.7.3.2 Prasekolah Swasta



Perkataan “Swasta” dalam kajian ini bermaksud prasekolah atau tadika yang dijalankan pentadbirannya oleh sekumpulan individu atau perseorangan dengan menggunakan pendekatan yang diambil dari luar negara dan diselaraskan dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Pelaksanaan dan pentadbiran prasekolah atau tadika ini mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.7.3.3 Tadika KEMAS

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), “tadika” ertiannya mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah disediakan untuk sepuluh orang murid atau lebih. Ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar. Taman Bimbingan Kanak-Kanak





(Tabika) yang dianjurkan oleh KEMAS merupakan program yang memberi peluang pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun.

1.7.3.4 Prasekolah Tempat Kerja

Pendidikan prasekolah tempat kerja disediakan oleh sebuah organisasi untuk menyediakan kemudahan tadika kepada kakitangannya. Ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk kebajikan pekerja. Antara agensi yang menyediakan prasekolah tempat kerja adalah seperti ialah NCDRC, SIRIM, PROTON dan sebagainya. Prasekolah tempat kerja dalam kajian ini ialah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara atau *National Child Development Research Centre* (NCDRC) di bawah kelolaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



1.8 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian yang dapat memberikan sumbangan adalah seperti berikut:

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh KPM terutamanya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam usaha merangka program latihan berkaitan pentaksiran kreativiti prasekolah. BPK dapat menggunakan maklumat tersebut sebagai rujukan khusus berkenaan amalan pentaksiran kreatif yang diperoleh melalui dapatan kajian.





Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan serta membantu pembangunan dan perkembangan pengajaran serta pentaksiran guru-guru prasekolah dalam melaksanakan pentaksiran kreatif sebagai salah satu kaedah yang membangkitkan rasa seronok murid-murid.

Disamping itu, kajian ini juga dapat menjadi asas untuk kajian-kajian seterusnya berkaitan dengan amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah. dapat membantu Selain itu juga pengkaji di Malaysia mudah untuk mendapatkan maklumat berkenaan amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah melalui hasil dari kajian ini



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas dengan amalan pentaksiran kreatif dalam pendidikan prasekolah. Penilaian dibuat hanya berdasarkan sepuluh kali pemerhatian aktiviti pengajaran dan pentaksiran guru bersama murid.

Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu reka bentuk kajian kes dengan melakukan pemilihan melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian hanya melibatkan empat orang guru di empat buah prasekolah yang berbeza iaitu prasekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, prasekolah swasta, tabika KEMAS dan prasekolah di tempat kerja





(NCDRC) dalam persampelan bertujuan ini. Oleh itu, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru prasekolah di seluruh Negara.


1.10 Kerangka Konsep Kajian

Satu kerangka konseptual telah dibentuk berlandaskan kepada kreativiti yang dirasakan sesuai. Kerangka yang dibentuk ialah berdasarkan teori kreativiti Torrance (1979). Teori Kreativiti Torrance (1979) meliputi kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian.



Berdasarkan teori tersebut, pengkaji telah merangka satu model ringkas yang dapat menggambarkan kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konsep kajian meliputi secara keseluruhan konstruk kajian yang melibatkan amalan pentaksiran kreatif di pendidikan prasekolah. Berdasarkan objektif dan soalan kajian yang dibentuk, berikut dibincangkan kerangka konsep kajian ini. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep dalam kajian ini.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka diatas, pengkaji telah menjadikan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang dibina berdasarkan enam tunjang iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusian, Keterampilan diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kreatif dan inovatif serta pemikiran kritis. Kesepadan ini bertujuan membangunkan modal insan sebagai asas dalam kerangka ini. Amalan kreativiti juga akan dilihat dalam kajian ini. Elemen kreativiti yang mendasari kajian ini ialah kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian berdasarkan teori kreativiti Torrance (1979). Disamping itu rubrik pentaksiran kreatif untuk penilaian hasil kerja murid berdasarkan prinsip pentaksiran kreatif juga dapat dihasilkan.



1.11 RUMUSAN

Bab ini membincangkan kerangka penting yang diperlukan dalam proses membina kajian kes ini. Pada peringkat awal, diterangkan tentang latar belakang kajian kes ini berdasarkan pembacaan. Seterusnya, dijelaskan pernyataan masalah bagi kajian kes serta tujuan kajian. Disamping itu tiga objektif kajian dan tiga persoalan kajian turut dinyatakan. Kajian ini amat penting kepada pengkaji di samping kepentingannya dari segi kegunaan ilmiah. Batasan bagi kajian ini telah memudahkan bagi mencapai matlamat kajian kes ini. Turut diuraikan dalam bab ini adalah definisi istilah yang berkaitan dengan kajian.



Satu kerangka konsep telah dibina berdasarkan sintesis permasalahan kajian dengan kajian teoritikal dalam tinjauan literatur untuk mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh tentang amalan pentaksiran kreatif di pendidikan prasekolah. Seterusnya beberapa elemen-elemen kreativiti yang digunakan dalam pentaksiran pendidikan prasekolah dapat dikenalpasti melalui kajian ini. Bab 2 yang seterusnya menjelaskan lebih lanjut tentang kajian literatur.

